

كورسوس لیتراسی

جاوی UiTM

سیری 1/2021

ادی یسران بن عبد العزیز

[adi@upm.edu.my](mailto:adi@upm.edu.my)

# KURSUS LITERASI JAWI 2021

SIRI 1 - STAF & PELAJAR

6 APRIL 2021




@Bahagian Hal Ehwal Islam  
Universiti Teknologi MARA Shah Alam



<https://meet.google.com/pcx-ozwq-trb>

**SELASA**  
9.00 AM - 11.00AM

#BahagianHalEhwalIslamUiTM  
#MasjidUiTMSshahAlam  
#MasjidNadiKeimananUniversiti



PROF. MADYA DR. ADI YASRAN  
BIN ABDUL AZIZ  
Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM

# PENGENALAN

- Ejaan Jawi yang digunakan sekarang masih berdasarkan kaedah ejaan Jawi dalam buku *Daftar Ejaan Melayu* (1949) oleh Za'ba walaupun beberapa penambahbaikan telah dilakukan.
- Pembaharuan yang dibuat ini selaras dengan pendapat Za'ba sendiri yang menyatakan bahawa, "...tulisan Jawi itulah yang terlebih berkehendak diaturkan ejaannya dan disusunkan dia mengikut tertib hurufnya, kerana ejaannya banyak yang masih simpang perenang..." (Za'ba, 1949:10)

# Akta Bahasa Kebangsaan

3

Tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu sejak abad ke-14 sehingga kini seperti yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang berbunyi:

“...Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan”.

# Surat Pekeliling KPM

Petikan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992 di bawah:

“...Mulai dari tarikh ini (22 Jan. 1992) Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh negara...”

# Huruf Jawi

- Tulisan Jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri seperti sistem tulisan bahasa Arab.
- Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi, tetapi perubahan bentuk huruf akan berlaku bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf yang lain dalam penulisan sesuatu perkataan.
- Abjad Jawi bahasa Melayu mengandungi 37 huruf bentuk tunggal yang tersusun seperti yang berikut:

د	خ	ح	چ	ج	ث	ة	ت	ب	ا
دال	خاء	حاء	چا	جيم	ثاء	تاء مربوطة	تاء	باء	اليف
dal	kha	ha	ca	jim	sa (tha)	ta marbutah	ta	ba	alif
ع	ظ	ط	ض	ص	ش	س	ز	ر	ذ
عين	ظاء	طاء	ضاد	صاد	شين	سين	زاي	راء	ذال
ain	za	ta	dad	sad	syin	sin	zai	ra	zal
ن	م	ل	ڱ	ک	ق	ڦ	ف	غ	غ
نون	ميم	لام	گا	کاف	قاف	ڦا	فاء	غا	غين
nun	mim	lam	ga	kaf	qaf	pa	fa	nga	ghain
			ڻ	ی	ي	ء	ه	و	و
			پا	یي	ياء	همزة	هاء	وا	واو
			nya	ye	ya	hamzah	ha	va	wau

# Padanan Huruf

7

Bil.	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Nama Huruf	Contoh
1	a, e pepet di awal kata	ا	alif	بارا، امس
2	b	ب	ba	بارو
3	t	ت	ta	تانم
4	t/h	ة	ta marbutah	صلاة
5	s, (th)	ث	sa [tha]	ثلاث
6	j	ج	jim	جمبو
7	h, (h)	ح	ha [ha]	حديث
8	kh	خ	kha [khO]	خميس
9	d	د	dal	داتا
10	z, (dh)	ذ	zal [dhal]	ذيكير

# Padanan Huruf

8

Bil.	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Nama Huruf	Contoh
11	r	ر	ra [rO]	راج
12	z	ز	zai	زمان
13	s	س	sin	ساكو
14	sy, (sh)	ش	syin	شريكت
15	s, (ṣ)	ص	sad [sOd]	صبح
16	d, (ḍ)	ض	dad [dOd]	ضرب
17	t, (ṭ)	ط	ta [tO]	طاعة
18	z, (ẓ)	ظ	za [zO]	ظاليم
19	a, k, (‘)	ع	ain [ʔain]	عسكر، ورع



# Padanan Huruf

Bil.	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Nama Huruf	Contoh
20	gh	غ	ghain	غائب
21	f	فا	fa	فيكير
22	k, q	ق	qaf	انق، قوات
23	k	كا	kaf	كارت
24	l	ل	lam	ليشس
25	m	م	mim	ماكن
26	n	ن	nun	ننتي
27	w, o, u	و	wau	واريث، بوتول، ترووووغ
28	h	ه	ha	هنتو

# Padanan Huruf

10

Bil.	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Nama Huruf	Contoh
29	awal: gugur akhir: k, (‘)	ء	hamzah	اخلاص، عشاء
30	y, i, e taling	ي	ya	يقين، ساتي
31	e pepet / a di akhir kata	ى	ye [yə] / alif maqsurah	تنتي، تقوى
32	c	چ	ca	چاون
33	ng	ڠ	nga	ڠاڠا
34	p	ڤا	pa	ڤارڠ
35	g	ڤا	ga	ڤاڤا
36	v	ڤا	va	ڤاڤا
37	ny	ڤا	nya	ڤاڤا

# Penyambungan Huruf Jawi

11

Kelompok A:	+B اة د ذ ر ز و ف -
Kelompok B:	+B ب ت ث ج چ ح خ س ش ص ض ط ظ ع غ غ ف ف ق ك گ ل م ن ه ي ي ث +AB
Kelompok C:	-ء-

# KAEDAH EJAAN JAWI

12

- Kaedah ejaan Jawi boleh dibahagikan mengikut sumber kata, iaitu:
  1. Kata Melayu Jati
  2. Kata Serapan Arab
  3. Kata Serapan Inggeris

# Kaedah Ejaan Jawi

- Kata yang telah lama terserap dan/atau sehati dengan sistem bunyi bahasa Melayu seperti kata serapan daripada bahasa Sanskrit, Tamil dan Cina akan dieja berdasarkan kaedah ejaan kata Melayu jati.
- Bunyi kata serapan yang belum sehati dengan sebutan Melayu seperti sesetengah perkataan yang menggunakan huruf Arab, misalnya kata serapan daripada bahasa Parsi dieja mengikut sistem bunyi atau sistem ejaan bahasa sumber.
- Begitu juga dengan bahasa-bahasa Eropah dan lain-lain yang belum sehati dengan sebutan Melayu dieja mengikut kaedah kata serapan daripada bahasa Inggeris.

# KATA MELAYU JATI

14

- Ejaan Jawi bagi kata Melayu jati boleh dibahagikan kepada 3 jenis, iaitu:
  1. Ejaan Lazim
  2. Ejaan Mengikut Hukum
  3. Ejaan Tradisi

# Huruf Konsonan Melayu Jati

15

ب	ڤ	ڠ	ڨ	ڤ
ڤ	ڤڤ	ڤڤڤ	ڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤ
ڤڤ	ڤڤڤ	ڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤڤ
ڤڤڤ	ڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤڤ	ڤڤڤڤڤڤڤ

# Ejaan Lazim

16

- Ejaan Lazim ialah ejaan yang menggunakan sistem vokal kecuali:
  - Bunyi e pepet di tengah kata seperti ‘telah’ (تله).
  - Bunyi a dalam suku kata KVK kecuali apabila berlaku homograf seperti lentik (لنتيق)- lantik (لانتيق) atau kata satu suku kata yang bermula dengan wau seperti ‘wang’ (واغ) dan kata ‘dan’ (دان).
- Dalam ejaan Lazim terdapat beberapa kategori ejaan seperti ejaan diftong, bunyi glotis, bunyi gelinciran dan geluncuran.





# Kekecualian Ejaan Lazim

18

جاوي	رومي	بربنديغ	جاوي	رومي
لانتيق	lantik	”	لنتيق	lentik
قانتس	pantas	”	قنتس	pentas
رامبغ	rambang	”	رمبغ	rembang
كامقوڠ	kampung	”	كمقوڠ	kempung
كانچيغ	kancing	”	كنچيغ	kencing
لانتغ	lantang	”	لنتغ	lentang

# Ejaan Diftong dan Hentian Glotis

- Dalam sistem ejaan Jawi terdapat tiga bentuk diftong yang digunakan iaitu /ai/, /au/ dan /oi/.
- Dalam sistem ejaan Jawi lama, ejaan diftong /ai/ dan /i/, /au/ dan /u/ dieja sama.
- Semua kata Melayu jati yang diakhiri dengan bunyi hentian glotis akan dieja dengan menggunakan huruf *qaf*.

# Diftong

20

Ejaan Baharu		Ejaan Lama	
bakau	باكاو	bakau/baku	باكو
bajau	باجاو	bajau/baju	باجو
engkau	اڠكاو	engkau/Engku	اڠكو
gulai	گولاي	gulai/guli	گولي
Julai	جولاي	Julai/Juli	جولي
lampau	لمقاو	lampau/lampu	لمقو
petai	فتاي	petai/peti	فتي
rantai	رنتاي	rantai/ranti	رنتي

# Hentian Glotis

21

adik	اديق
baik	باءيق
cabik	چابيق
Daik	داءيق
emak	امق
gagak	گاکق
herdik	هرديق
jentik	جنتيق

# Gelinciran

22

- Bunyi gelinciran ini terjadi apabila vokal /a/ diikuti oleh vokal /u/ atau /i/ bertemu tanpa dibatasi dengan huruf konsonan dalam dua suku kata yang berurutan.
- Bagi mengelakkan kekeliruan dalam sistem ejaan Jawi, perkataan yang mempunyai vokal rangkap yang sedemikian hendaklah ditambah huruf *hamzah* sebelum huruf *wau* atau *ya*. Contohnya:

# Gelinciran

گلينچيرن		بوکن گلينچيرن	
laun	لاءون	lawan	لاون
lauk	لاءوق	lawak	لاوق
laut	لاءوت	lawat	لاوت
sauh	ساءوه	sawah	ساوه
lain	لاءين	layan	لاين
saing	ساءيغ	sayang	سايغ
Daik	دائيق	Dayak	دايق
Daing	دائيغ	dayang	دايغ

# Geluncuran

24

- Geluncuran berlaku apabila [y] disisipkan di antara vokal rangkap yang bermula dengan /i/, dan [w] di antara deretan vokal yang bermula dengan /u/.
- Bagi kata Melayu jati, bunyi geluncuran tidak dipadankan dengan huruf dalam ejaan Jawi sama seperti ejaan Rumi kecuali geluncuran /w/ yang diikuti oleh /i/ sahaja yang ditambah hamzah bagi mengelakkan huruf ya dibaca dengan konsonan  
Contohnya:



# Geluncuran

25

رومي	سبوتن	جاوي
siap	[si.yap]	سياڤ
biasiswa	[bi.ya.sis.wa]	بياسيسوا
liut	[li.yut]	ليوت
beliung	[be.li.yung]	بليونغ
buah	[bu.wah]	بواه
petualang	[pe.tu.wa.lang]	ڤتوالڠ
bu <b>ih</b>	[bu.wih]	بوءيه
ker <b>u</b> ing	[ke.ru.wing]	كروءيڠ

# KESIMPULAN

- Kaedah ejaan Jawi boleh dibahagikan mengikut sumber kata, iaitu kata Melayu jati, kata serapan Arab, dan kata serapan Inggeris dan lain-lain.
- Ejaan Jawi bagi kata Melayu jati boleh dibahagikan kepada 3 jenis, iaitu ejaan Lazim, ejaan Mengikut Hukum dan ejaan Tradisi.

و اللّٰهُ اَعْلَمُ . سَكِيَان .

تریمما کاسیہ

تریمما کاسیہ

تریمما کاسیہ

تریمما کاسیہ

تریمما کاسیہ

# Latihan

28

- Klik pautan berikut atau imbas kod QR untuk menjawab soalan latihan.

<https://forms.gle/oWHRcCWZ75zhSr5DA>

